



SUMITOMO MITSUI FINANCIAL GROUP, INC.

Laporan Tahunan untuk Tahun Berakhir Mac 31 2025

LEMBAGA PENGARAH (Sehingga Jun 27, 2025)

PENGERUSI LEMBAGA
Makoto Takashima

PENGARAH PRESIDEN
Toru Nakashima

PENGARAH TIMBALAN PRESIDEN DAN PEGAWAI EKSEKUTIF
Teiko Kudo

PENGARAH DAN PEGAWAI EKSEKUTIF

Kazuyuki Anchi	Toshihiro Isshiki	Honami Matsugasaki	Sonosuke Kadonaga
Jun Sawada	Yoriko Goto	Isao Teshirogi	Norimitsu Takashima
Charles D. Lake II	Jennifer Rogers	Yoshihiro Hyakutome	Takeshi Mikami
Keiichiro Nakamura	Akio Isowa	Fumihiko Ito	Takashi Kobayashi
Natsuhiro Samejima	Hideki Takamatsu	Yukihiro Mabuchi	Akio Uemura
Arihiro Nagata			

SUBSIDIARI UTAMA (Sehingga Mac 31, 2025)

Sumitomo Mitsui Banking Corporation ("SMBC")
 SMBC Trust Bank Ltd.
 SMBC Nikko Securities Inc.
 Sumitomo Mitsui Card Company, Limited
 SMBC Consumer Finance Co., Ltd.
 JRI Holdings, Limited
 The Japan Research Institute, Limited
 Sumitomo Mitsui DS Asset Management Company, Limited
 SMBC Bank International plc
 SMBC Bank EU AG
 Sumitomo Mitsui Banking Corporation (China) Limited
 PT Bank SMBC Indonesia Tbk
 SMBC Americas Holdings, Inc.
 SMBC Guarantee Co., Ltd.

PENYATA PENDAPATAN KOMPRESIF YANG DISATUKAN

	Jutaan Yen	
Untuk tahun berakhir 31 Mac	2024	2025
Keuntungan	¥ 968,687	¥1,186,877
Pendapatan komprehensif yang lain	1,661,035	(474,327)
Untung bersih (rugi) tidak nyata atas sekuriti lain	1,024,910	(420,445)
Untung bersih (rugi) tertunda pada hedges	(49,928)	(99,721)
Penyelarasan terjemahan matawang asing	502,786	(18,937)
Pengukuran semula daripada pelan manfaat	156,856	(2,819)
Bahagian pendapatan lain yang komprehensif ahli gabungan	26,410	67,596
Jumlah pendapatan komprehensif	2,629,723	712,549
Pendapatan komprehensif disediakan untuk para pemegang saham induk	2,621,070	703,678
Pendapatan komprehensif disediakan untuk faedah bukan kawalan	8,653	8,871

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN YANG DISATUKAN

Basel III basis	2024	2025
1. Peringkat nisbah modal 1	14.33%	14.23%
Nisbah modal yang disatukan	15.29%	15.18%
2. Pada setakat Ibu Pejabat kami di Jepun memberi layanan yang sama kepada penyimpan wang dalam Bank di luar negara sama dengan penyimpan wang di dalam negara Jepun, ke atas pembayaran balik bagi deposit jika berlakunya meyerahan kepada pihak pengamanah, mengalami proses penyelesaian atau perkara yang merupai Bank.		
3. Kunci kira-kira dan penyata pendapatan yang telah diaudit adalah sebahagian daripada penyata kewangan. Rujukan harus dibuat kepada set lengkap penyata kewangan yang telah diaudit untuk memahami sepenuhnya penyata-penyata tersebut dan keadaan umum Kumpulan tersebut.		

Salinan Laporan Tahunan 2025 Kumpulan kami boleh diperolehi menerusi permintaan bertulis daripada dari Facility and Custodian Department, Sumitomo Mitsui Banking Corporation, Singapore Branch, 88 Market Street, #33-01 CapitaSpring, Singapore 048948.

PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN

	Jutaan Yen	
Untuk tahun berakhir 31 Mac	2024	2025
Pendapatan biasa	¥ 9,353,590	¥ 10,174,894
Pendapatan faedah	6,213,520	6,928,577
Faedah atas wang pinjaman dan diskaun	3,636,796	3,984,710
Faedah dan dividen atas sekuriti	704,565	935,978
Faedah pinjaman yang dibayar atas permintaan dan bil-bil yang dibeli	207,201	182,718
Faedah atas jumlah belum diterima di bawah perjanjian jualan semula	119,755	268,048
Faedah atas jumlah belum diterima di bawah urusniaga pinjaman sekuriti	87,502	120,363
Faedah atas deposit dengan bank	580,295	650,205
Faedah atas urusniaga penyewaan	12,483	12,185
Faedah pembayaran tertunda	21,969	22,320
Pendapatan interest lain	842,949	752,046
Bayaran badan amanah	8,195	9,733
Upah dan komisyen	1,716,335	1,874,934
Untung dari perniagaan	371,135	568,890
Pendapatan dari operasi lain	609,082	172,329
Pendapatan pajakan berkaitan	37,436	-
Lain	571,645	172,329
Pendapatan lain	435,320	620,428
Pemulihan tuntutan dihapus kira	16,934	16,449
Lain	418,386	603,979
Perbelanjaan biasa	7,887,462	8,455,412
Perbelanjaan faedah	4,332,866	4,590,358
Faedah atas deposit	1,670,570	1,671,048
Faedah sijil deposit boleh niaga	518,385	559,252
Faedah pinjaman yang dibayar atas permintaan dan bil-bil yang dijual	43,855	48,050
Faedah atas jumlah belum dibayar di bawah perjanjian pembelian semula	749,371	837,244
Faedah atas jumlah belum dibayar di bawah urusniaga pinjaman sekuriti	15,792	38,368
Faedah kertas komersial	116,199	109,557
Faedah wang dipinjam	154,318	170,937
Faedah bon jangka pendek	210	3,298
Faedah bon	352,806	413,681
Perbelanjaan faedah lain	711,354	738,918
Yuran dan komisyen pembayaran	234,305	315,758
Kerugian dagangan	263,379	185,324
Perbelanjaan operasi lain	348,899	336,278
Perbelanjaan pajakan berkaitan	30,915	-
Lain	317,984	336,278
Perbelanjaan pentadbiran dan umum	2,250,593	2,401,955
Perbelanjaan lain	457,417	625,736
Rizab akhirnya untuk kemungkinan kerugian pinjaman	118,388	167,639
Lain	339,028	458,097
Keuntungan biasa	1,466,128	1,719,482
Keuntungan luar biasa	¥ 8,181	¥ 3,090
Untung pelupusan aset tetap	1,101	3,090
Keuntungan luar biasa lain	7,080	-
Kerugian luar biasa	131,959	22,630
Rugi pelupusan aset tetap	9,341	14,843
Rugi kemerosotan aset tetap	13,696	7,052
Peruntukan untuk rizab untuk kerugian operasi pada masa hadapan daripada urus niaga instrumen kewangan	729	733
Kerugian luar biasa lain	108,191	-
Pendapatan sebelum cukai pendapatan	1,342,349	1,699,943
Cukai pendapatan semasa	442,736	577,307
Cukai pendapatan tertunda	(69,073)	(64,242)
Cukai pendapatan	373,662	513,065
Keuntungan	968,687	1,186,877
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada faedah bukan kawalan	5,740	8,881
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemilik syarikat induk	¥ 962,946	¥ 1,177,996

NERACA KIRA-KIRA YANG DISATUKAN

	Jutaan Yen	
31 Mac	2024	2025
Aset:		
Tunai dan bayaran yang dijangka dari bank dan bil-bil yang dibeli	¥ 78,143,100	¥ 75,590,583
Pinjaman yang dibayar atas permintaan dan bil-bil yang dibeli	5,333,883	5,197,978
Jumlah belum terima dibawah perjanjian penjualan semula	8,525,688	16,205,759
Jumlah belum terima menurut urusniaga peminjaman sekuriti	6,799,541	5,799,821
Tuntutan kewangan yang telah dibeli	6,103,091	5,618,985
Aset dagangan	11,540,063	11,976,375
Wang yang disimpan sebagai amanah	23,751	32,272
Sekuriti-sekuriti	37,142,808	40,760,968
Pinjaman dan bil diskaun	107,013,907	111,136,239
Pertukaran asing	2,068,885	2,712,573
Penyewaan belumterima dan aset pelaburan	207,645	231,199
Aset lain	15,313,546	13,722,960
Aset tetap	1,006,883	1,006,556
Bangunan	323,967	329,897
Tanah	405,761	409,805
Aset pajakan	29,892	25,850
Pembinaan dalam pelaksanaan	40,894	48,832
Lain aset tetap	206,368	192,170
Aset tetap bukan semasa	976,706	1,017,322
Perisian	623,266	731,749
Muhibah	268,833	230,070
Aset pajakan	323	155
Lain aset tetap bukan semasa	84,283	55,348
Aset bersih manfaat ditakrifkan	913,791	987,288
Cukai aset tertunda	71,427	71,261
Liabiliti pelanggan untuk penerimaan dan jaminan	14,869,558	15,139,799
Rizab untuk kemungkinan kerugian pinjaman	(817,578)	(925,931)
Jumlah aset	¥ 295,236,701	¥ 306,282,015
Liabiliti dan aset bersih:		
Liabiliti:		
Deposit	¥ 164,839,357	¥ 171,498,651
Sijil deposit boleh niaga	14,672,275	17,175,391
Wang mesti dibayar atas permintaan dan bil dijual	3,138,049	4,378,276
Jumlah belum bayar dibawah perjanjian pembelian semula	19,625,877	25,797,136
Jumlah belum bayar dibawah urusniaga pinjaman sekuriti	1,736,935	2,183,655
Kertas Komersial	2,429,179	2,686,483
Liabiliti dagangan	9,689,434	9,726,615
Wang yang dipinjam	14,705,266	11,355,209
Pertukaran asing	2,872,560	1,771,839
Bon-bon jangka pendek	863,000	728,200
Bon-bon	13,120,274	13,352,392
Bayaran yang dijangka untuk akaun amanah	1,246,198	1,041,660
Liabiliti lain	15,573,044	13,700,199
Rizab untuk bonus pekerja	115,488	130,464
Rizab untuk bonus eksekutif	4,411	5,433
Tanggungan manfaat yang bersih	37,263	33,890
Rizab untuk faedah persaraan eksekutif	1,179	1,007
Rizab untuk program perkhidmatan penting	35,622	32,656
Rizab untuk bayaran balik deposit	9,228	5,573
Rizab untuk kerugian ke atas bayaran balik faedah	121,947	242,127
Rizab di bawah undang-undang khas	4,631	5,365
Liabiliti cukai tertunda	698,632	422,050
Liabiliti cukai tertunda untuk lebih penilaian semula ke atas tanah	27,316	26,424
Penerimaan dan jaminan	14,869,558	15,139,799
Jumlah liabiliti	¥ 280,436,734	¥ 291,440,506
Aset bersih:		
Stok modal	2,344,038	2,345,960
Lebihan modal	610,143	611,423
Pendapatan disimpan	7,843,470	8,290,170
Stok perbendaharaan	(167,671)	(38,512)
Jumlah ekuiti pemegang saham	10,629,980	11,209,042
Untung bersih (rugi) tidak nyata atas sekuriti lain	2,406,883	1,930,834
Untung bersih (rugi) tertunda pada hedges	(65,073)	(168,604)
Lebihan dari tanah yang dinilai semula	34,936	32,849
Penyelarasan bagi pertukaran matawang asing	1,362,647	1,411,827
Pengukuran semula terkumpul daripada pelan manfaat	290,735	287,487
Jumlah pendapatan komprehensif lain yang terkumpul	4,030,129	3,494,393
Hak perolehan stok	931	767
Faedah bukan kawalan	138,925	137,306
Jumlah aset bersih	14,799,967	14,841,509
Jumlah liabiliti dan aset bersih	¥ 295,236,701	¥ 306,282,015

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada Lembaga Pengarah
Sumitomo Mitsui Financial Group, Inc.:

Takashi Kondo
Rakan Kongsi Audit yang Ditetapkan
Akauntan Awam Bertauliah

Toshihiro Ozawa
Rakan Kongsi Audit yang Ditetapkan
Akauntan Awam Bertauliah

Bumbee Nishi
Rakan Kongsi Audit yang Ditetapkan
Akauntan Awam Bertauliah

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan disatukan yang disertakan bagi Sumitomo Mitsui Financial Group, Inc. ("Syarikat") dan anak-anak syarikatnya yang disatukan (secara kolektif dirujuk sebagai "Kumpulan"), yang terdiri daripada kunci kira-kira yang disatukan pada 31 Mac 2025 dan 2024, penyata disatukan dan penyata pendapatan bersih yang disatukan, kemudiannya penyata pendapatan bersih dan aset komprehensif, nota, yang terdiri daripada ringkasan dasar perakaunan penting dan maklumat penjelasan lain.

Pada pendapat kami, penyata kewangan disatukan yang disertakan membentangkan secara saksama, dalam semua aspek penting, kedudukan kewangan disatukan Kumpulan pada 31 Mac 2025 dan 2024, dan prestasi kewangan disatukan dan aliran tunai disatukannya bagi tahun-tahun yang berakhir pada masa itu selaras dengan prinsip perakaunan yang diterima umum di Jepun.

Asas Pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diterima umum di Jepun. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dijelaskan secara lebih lanjut dalam bahagian *Tanggungjawab Juruaudit untuk Audit Penyata Kewangan Disatukan* dalam laporan kami. Kami bebas daripada Kumpulan mengikut syarat-syarat etika yang relevan dengan audit kami terhadap penyata kewangan disatukan di Jepun, dan kami telah memenuhinya dengan etika kami yang lain mengikut syarat-syarat ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk menjadi asas bagi pendapat kami.

Maklumat lain

Maklumat lain terdiri daripada maklumat yang termasuk dalam dokumen penzahiran yang mengandungi atau mengiringi penyata kewangan yang telah diaudit, tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Kami tidak melaksanakan apa-apa kerja pada maklumat lain kerana kami telah memutuskan bahawa maklumat tersebut tidak wujud.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan dan Jawatankuasa Audit untuk Penyata Kewangan Disatukan

Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk penyediaan dan pembentangan adil penyata kewangan disatukan mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum di Jepun, dan untuk kawalan dalaman sebagaimana yang ditentukan oleh pihak pengurusan adalah diperlukan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan disatukan yang bebas daripada salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan disatukan, pihak pengurusan bertanggungjawab untuk menilai kemampuan Kumpulan untuk berterus sebagai usaha berterusan, dengan mendedahkan sebagaimana yang berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dengan kepatuhan prinsip perakaunan yang diterima umum di Jepun.

Jawatankuasa Audit bertanggungjawab untuk mengawasi pegawai eksekutif korporat dan prestasi pengarah tugas mereka berkenaan dengan reka bentuk, pelaksanaan dan penyelenggaraan proses pelaporan kewangan Kumpulan.

Tanggungjawab Juruaudit untuk Audit Penyata Kewangan Disatukan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan kepastian yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan disatukan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah ialah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diterima umum di Jepun akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau secara agregat, ia secara munasabah dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang berdasarkan penyata-penyata kewangan disatukan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diterima umum di Jepun, kami melaksanakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan disatukan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko-risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk dijadikan asas bagi pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, salah nyataan atau penggantian kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang relevan dengan audit untuk mereka bentuk prosedur audit yang sesuai dalam keadaan, sementara objektif audit adalah tidak menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh pihak pengurusan.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada terdapat ketidakpastian ketara yang

wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan signifikan terhadap kemampuan Kumpulan untuk meneruskan usaha berterusan. Sekiranya kami menyimpulkan bahawa terdapat ketidakpastian ketara yang wujud, kami perlu untuk menyerlahkannya dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan disatukan, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Namun begitu, peristiwa atau keadaan pada masa depan boleh menyebabkan Kumpulan berhenti untuk meneruskan usaha berterusan.

- Menilai sama ada pembentangan dan pendedahan dalam penyata kewangan disatukan mengikut piawaian perakaunan yang diterima umum di Jepun, keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan disatukan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan disatukan mewakili urus niaga dan acara asas melalui cara yang dapat mencapai pembentangan yang sewajarnya.
- Rancang dan laksanakan audit kumpulan untuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai berkenaan maklumat kewangan entiti atau aktiviti perniagaan dalam Kumpulan sebagai asas untuk membentuk pendapat mengenai penyata kewangan kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas arahan, penyediaan dan semakan kerja audit yang dilakukan untuk tujuan tersebut daripada audit kumpulan. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan Jawatankuasa Audit mengenai, antara lain, skop dan masa audit yang dirancang, penemuan audit yang signifikan, termasuk sebarang kekurangan yang signifikan dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Kami juga memberikan Jawatankuasa Audit dengan kenyataan bahawa kami telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan berkenaan dengan kebebasan, dan berkomunikasi dengan mereka semua perhubungan dan perkara lain yang mungkin difikirkan secara munasabah berkaitan dengan kebebasan kami, dan jika berkenaan, tindakan yang diambil untuk menghapuskan ancaman atau perlindungan dikenakan.

Daripada perkara yang disampaikan dengan Jawatankuasa Audit, kami menentukan perkara yang paling penting dalam audit penyata kewangan yang disatukan bagi tempoh semasa dan oleh itu merupakan perkara audit utama. Kami menghuraikan perkara ini dalam laporan juruaudit kami melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam tentang perkara itu atau apabila, dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, kami menentukan bahawa sesuatu perkara tidak boleh dimaklumkan dalam laporan kami kerana akibat buruk daripada berbuat demikian secara munasabah dijangka melebihi faedah kepentingan awam komunikasi tersebut.

Kepentingan yang perlu didedahkan oleh Akta Akauntan Awam Bertauliah Jepun

Kami tidak mempunyai kepentingan dalam Kumpulan yang wajib didedahkan menurut peruntukan Akta Akauntan Awam Bertauliah Jepun.

KPMG AZSA LLC

Pejabat Tokyo, Jepun
19 Jun, 2025